

10 NOV 2001

Najib-Wataniah

KABINET LULUS PERJAWATAN BAGI EMPAT REGIMEN ASKAR WATANIAH

PEKAN, 10 Nov (Bernama) -- Kerajaan telah meluluskan cadangan Kementerian Pertahanan berhubung perjawatan bagi empat Regimen Askar Wataniah, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Katanya, perjawatan yang diluluskan itu membabitkan Regimen 513 Askar Wataniah Jalan Kolam Air, Sungai Petani, Kedah, Regimen 514 Askar Wataniah Kem Bukit Beruang, Melaka, Regimen 515 Askar Wataniah Kem Jalan Ampang, Kuala Lumpur dan Regimen 516 Askar Wataniah Kem Kukusan, Tawau, Sabah.

"Dengan kelulusan ini bererti jawatan tambahan yang diluluskan Kabinet ialah sebanyak 400 bagi jawatan tetap, 17,888 bagi jawatan sukarela dan 96 bagi jawatan awam," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan bersama isteri-isteri nelayan di Nenasi dekat sini.

Pada masa ini, perjawatan yang digunakan ialah secara sementara dan dipinjam dari Batalion Keempat Regimen Askar Wataniah yang sedia ada. Dengan kelulusan itu, perjawatan yang dipinjamkan itu akan dipulangkan ke unit asal.

Najib berkata kelulusan perjawatan itu juga turut disertai dengan kelulusan untuk keperluan senjata, kenderaan dan kelengkapan lain bagi membolehkan regimen-regimen itu berfungsi sepenuhnya.

Katanya, kelulusan perjawatan itu juga membabitkan kos tambahan setiap tahun sebanyak RM66 juta untuk gaji dan elaun manakala daripada segi kenderaan, persenjataan dan pembelian peralatan pula membabitkan kos RM60 juta.

"Kelulusan yang dibuat oleh Kabinet ini mencerminkan usaha kita untuk mencapai matlamat nisbah seorang askar tetap dengan seorang askar wataniah," kata beliau.

Najib berkata pada masa ini kekuatan askar wataniah ialah sebanyak 48,000 orang dan beliau menjangkakan sasaran untuk menambah 20,000 anggota lagi akan dapat dicapai.

Kekuatan anggota tetap tentera darat kini ialah seramai 80,000 orang.

Sementara itu, Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata penyiasatan yang dijalankan ke atas Kumpulan Militan Malaysia (KMM) mendapati bahawa fahaman militan telah ditanam kepada kanak-kanak sejak mereka di bangku sekolah lagi.

Malah, katanya, siasatan polis menunjukkan bahawa ada taman asuhan kanak-kanak Islam (Taski) dan madrasah yang meminta kanak-kanak yang belajar di situ mengangkat ikrar untuk berjihad pada peringkat umur yang masih kecil.

"Mereka telah ditanam dengan satu bentuk perasaan kebencian terhadap kerajaan hari ini dengan diberikan gambaran bahawa kerajaan ini bukan kerajaan Islam," kata beliau.

Najib berkata bentuk fahaman seperti itu dirancang secara rapi melalui sistem pendidikan yang sama sekali terkeluar daripada sistem pendidikan nasional.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan wujudnya gerakan untuk menjatuhkan kerajaan di 50 negara Islam, termasuk Malaysia oleh kumpulan yang menganggap kerajaan di negara berkenaan tidak cukup Islam.

Perdana Menteri berkata kumpulan yang menyertai gerakan itu terlalu menitikberatkan pelaksanaan sistem syariah berbanding keadilan itu sendiri, termasuk dalam hukum hudud.

-- BERNAMA

ROS RHM